

5 JULAI 2004
HARIAN METRO

UPM TERIMA SIJIL ISO

Oleh Noor Azam Aziz
azam@hmetro.com.my

FAKULTI Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) memperolehi Sijil ISO 9001:2000 bagi skop pensijilan Perkhidmatan pendidikan peringkat ijazah pertama termasuk reka bentuk dan pembangunan kurikulumnya, baru-baru ini.

Majlis penyerahan sijil berkenaan disempurnakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo di UPM, Serdang, Selangor.

Dekan Fakulti Pertanian, Prof Dr Mohd Khanif Yusop dalam ucapannya berkata, usaha secara serius mendapatkan pensijilan ISO itu adalah untuk mencapai misi fakulti dan universiti.

Antara matlamatnya ialah menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan teknologi pertanian serta melahirkan graduan pertanian yang relevan, berilmu, berkemahiran serta berdaya saing.

"Aktiviti ini bermula pada 1999 dan kemuncak kejayaan ini terhasil apabila Fakulti Pertanian melepasi Audit Kepatuhan yang diumumkan pada 22 hingga 23 Disember 2003," katanya.

Menurutnya, pelbagai usaha dan kerja secara berpasukan dilakukan dengan penuh semangat tinggi di kalangan kakitangan fakulti.

Kronologi dilalui fakulti itu bermula dengan pelancarannya pada akhir 2000. Seterusnya, proses pembangunan prosedur sepanjang tahun 2001 hingga 2002 membabitkan perubahan dan pertukaran dari versi ISO 1994 ke versi ISO 9001:2000.

Selepas berjaya melepasi Adequacy Audit dan melalui Pre-Compliance Audit serta latihan pendedahan kepada prose-

Bukti mampu tangani masalah pertanian negara

dur dan penyelenggaraan rekod kualiti, fakulti itu berjaya melepasi Audit Kepatuhan dengan hanya satu minor NCR.

Sebagai satu-satunya Fakulti Pertanian di negara ini, kejayaan itu dapat membuktikan kemampuan secara langsung dalam menangani masalah pertanian negara serta prospek pembangunan pertanian jangka masa panjang.

Ia terarah kepada program latihan sumber manusia terlatih terdiri daripada graduan berpandangan jauh ke hadapan dan berupaya bersaing di arena industri.

Prof Khanif berharap wujudnya permintaan tinggi dalam masyarakat kini terhadap bidang pertanian seperti bidang perubatan sekarang.

"Bidang pertanian 'tulang belakang' kepada kemajuan dan sumber makanan sesebuah negara sentiasa mendapat perhatian setiap masa. Diharapkan tiada sebarang anggapan menyatakan bidang pertanian ini dipinggirkan," katanya.

Bagi merealisasikan hasrat itu, berlandaskan sistem pendidikan dan sumber pertanian negara, fakulti itu terus berusaha mengeluarkan pakar terlatih, berciri keusahawanan dan berupaya mengendalikan perundingan dengan mengamalkan teknologi pertanian moden.

Semuanya dihasilkan menerusi program penyelidikan dan komersial yang dilakukan selama ini.